

Objektif

Program ini bertujuan untuk memberi peluang kepada pelajar-pelajar Syariah dan undang-undang mendalami Pentadbiran Kehakiman dan Guaman Islam. Menerusi program ini diharapkan graduan syariah dan undang-undang akan lebih profesional dalam bidang Pentadbiran Kehakiman dan Guaman Islam. Untuk mencapai matlamat ini maka:

- ✚ Pelajar lebih banyak diarahkan memahami praktik mahkamah dan akan diberi latihan amali secukupnya.
- ✚ Di samping aspek teori, pelajar juga didedahkan dengan amali Pentadbiran Kehakiman dan Guaman Islam.

Syarat Kemasukan

- ✚ Pemegang Ijazah Sarjana Muda Syariah atau Ijazah Sarjana Muda Undang-Undang dari Universiti-Universiti yang diiktiraf; atau
- ✚ Kelayakan lain yang setaraf dan diiktiraf oleh Senat.

Pelaksanaan dan Jangkamasa Kursus

- ✚ Program ini dijalankan selama satu tahun secara sepenuh masa iaitu dua (2) semester panjang dan satu (1) semester pendek.
- ✚ Kuliah diadakan pada hari Sabtu dan Ahad tanpa tertakluk kepada mana-mana cuti umum, kecuali diberitahu sebaliknya.

Yuran Pengajian/Anggaran (tertakluk kepada Bendahari)

Semester I	RM3,160
Semester II	RM2,300
Semester III	RM2,300

Nama Kursus dan Penawarannya Mengikut Semester

Semester I

- PPPK5433 – Pentadbiran Kehakiman dan Perundangan Islam
- PPPK5413 – Advokasi Guaman Islam
- PPPK5313 – Metodologi Teks Fiqh
- PPPK5453 – Undang-Undang Keluarga Islam di Malaysia
- PPPK5443 – Undang-Undang Jenayah Syariah di Malaysia

Semester II

- PPPK5223 – Pentadbiran Harta di Mahkamah Syariah
- PPPK5133 – Tatacara Jenayah di Mahkamah Syariah
- PPPK5233 – Tatacara Mal di Mahkamah Syariah
- PPPK5123 – Undang-Undang Keterangan di Mahkamah Syariah

Semester III

- PPPK5423 – Pengharmonian Undang-Undang Syariah dan Sivil di Malaysia
- PPPK5463 – Moot dan Penempatan di Mahkamah Syariah

Nilai Unit dan Jam Kuliah

Setiap kursus bernilai tiga unit. Jumlah unit bagi semua kursus adalah 33 unit.

Syarat Memasuki Peperiksaan

- ✚ Seorang pelajar dikehendaki menghadiri kuliah/seminar bagi setiap kursus yang telah didaftarkan tidak kurang daripada 70%.

- ✚ Pelajar yang hadir kurang daripada 70% tidak akan dibenarkan mengambil peperiksaan bagi kursus berkenaan dan akan diberi gred E (gagal).

- ✚ Pelajar yang mendaftar sesuatu kursus tetapi tidak mengikutinya dan tidak memohon menggugurkannya dalam tempoh yang ditetapkan juga akan diberi gred E bagi kursus berkenaan.

- ✚ Pelajar hendaklah menjelaskan semua yuran dan apa-apa bayaran lain yang ditetapkan oleh pihak Universiti.

Syarat Pengurniaan Diploma Pascasiswazah Pentadbiran Kehakiman dan Guaman Islam

- ✚ Mengambil semua kursus yang ditawarkan.
- ✚ Memperolehi 33 unit daripada semua kursus yang ditawarkan.
- ✚ Sekurang-kurangnya mendapat purata nilai gred kumulatif 2.00 daripada jumlah unit yang diperlukan.

Sistem Penilaian

Gred	Nilai Gred	Taraf
A	4.00	Lulus dengan cemerlang
A-	3.67	
B+	3.33	Lulus dengan kepujian
B	3.00	
B-	2.67	Lulus
C+	2.33	
C	2.00	
C-	1.67	Gagal
D	1.00	
E	0.00	

Purata nilai gred akan ditentukan mengikut kaedah purata nilai gred semester (PNGS) dan purata nilai gred kumulatif (PNGK).

Syarat Meneruskan Pengajian

- ✚ Pelajar mestilah mencapai sekurang-kurangnya PNGK 2.0 bagi setiap semester. Jika prestasinya kurang dari 2.0, calon akan diberi taraf percubaan pada semester berikutnya. Pelajar yang tidak dapat meningkatkan prestasinya kepada sekurang-kurangnya PNGK 2.0 pada semester beliau diberi status percubaan, akan diberhentikan dari pengajiannya.

Syarat Mengulang dan Peperiksaan Khas

- ✚ Pelajar yang gagal memperoleh 33 unit yang diperlukan pada akhir semester 4 dikehendaki mengulangi kursus yang gagal itu pada semester di mana kursus itu ditawarkan.
- ✚ Peperiksaan khas hanya boleh diadakan kepada calon yang tidak melengkap unit untuk mendapatkan Diploma, jika unit berkenaan hanya melibatkan satu kursus yang gagal kecuali kursus PPPK5243 (Moot / Mock & Penempatan di Mahkamah Syariah). Peperiksaan boleh diadakan dalam tempoh tidak lebih daripada satu bulan selepas keputusan peperiksaan semester diumumkan.
- ✚ Pelajar yang terlibat dalam peraturan 9.2 dibenarkan mengambil peperiksaan sekali sahaja bagi kursus yang gagal itu.

Kegagalan Menghadiri Peperiksaan dan Peperiksaan Gantian

- ✚ Seorang pelajar yang gagal menghadiri mana-mana peperiksaan tanpa sebab yang munasabah akan dianggap gagal dalam peperiksaan kursus berkenaan.
- ✚ Pelajar yang tidak menghadiri peperiksaan kerana sakit atau sebab-sebab lain yang

munasabah, dikehendaki mengemukakan alasan bertulis dengan sokongan pihak berkenaan yang diiktiraf sebelum peperiksaan dijalankan atau dalam tempoh 48 jam selepas peperiksaan itu dijalankan.

- ✚ Pelajar yang dinyatakan dalam peraturan 10.2 di atas akan dipertimbangkan untuk dibenarkan mengambil peperiksaan gantian.

Penangguhan Pengajian


- ✚ Calon yang telah diterima masuk tetapi belum mendaftar boleh memohon untuk menangguhkan pengajiannya selama tidak kurang daripada satu semester dan tidak melebihi dua semester dengan membuat permohonan secara bertulis kepada Pengarah Pusat Pengurusan Akademik (Siswazah).

Penggantungan Pendaftaran

- ✚ Calon yang mendaftar boleh memohon menggantung pendaftarannya atas sebab-sebab yang munasabah. Tempoh penggantung ini tidak akan diambil kira sebagai sebahagian daripada tempoh pengajian yang ditetapkan. Permohonan secara bertulis kepada Dekan Fakulti dan salinannya kepada Pengarah Pusat Siswazah hendaklah dibuat dalam tempoh empat minggu selepas semester bermula.
- ✚ Penggantungan boleh dibenarkan tidak kurang dari satu semester dan tidak melebihi dua semester berturut-turut di sepanjang tempoh pengajian.
- ✚ Calon yang diluluskan penggantung pendaftaran tidak dianggap sebagai pelajar Diploma Pascasiswazah universiti yang berdaftar dan dengan itu calon tidak layak menggunakan sebarang kemudahan yang disediakan oleh pihak universiti kecuali untuk mendapat nasihat bagi menyambung semula pengajiannya.

Peraturan Tambahan

- ✚ Perkara-perkara lain yang tidak disebutkan dalam peraturan ini adalah tertakluk kepada Akta Pengajian Diploma UKM setakat mana yang berkaitan.
- ✚ Jika terdapat kekosongan dari segi peraturan dan tidak disebut di mana-mana bahagian dalam peraturan ini, maka perkara itu akan ditentukan oleh Senat/Pusat Kajian Syariah.



UNIVERSITI
KEBANGSAAN
MALAYSIA

*The National University
of Malaysia*

**PROGRAM DIPLOMA
PASCASISWAZAH PENTADBIRAN
KEHAKIMAN DAN GUAMAN ISLAM**



Penyelaras Program:

Dr. Md. Yazid Ahmad

Tel : 03-89215512/5500 / Emel : yazid@ukm.edu.my

<https://www.ukm.my/fpi>